



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	18/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	TNB			

TNBtemujanji mudahkan pelanggan


UM, 18 Ogos
2021_31

PETALING JAYA: Pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kini boleh mengurangkan waktu menunggu untuk melakukan sebarang transaksi di Kedai Tenaga menerusi perkhidmatan janji temu dalam talian baru iaitu TNBtemujanji.

TNBtemujanji yang mula diperkenalkan pada 28 Jun lalu itu adalah satu platform digital dengan nilai tambah yang membolehkan pelanggan membuat janji temu di 117 daripada 123 Kedai Tenaga di Semenanjung Malaysia. Kedai Tenaga yang selebihnya pula akan mula menggunakan perkhidmatan ini menjelang hujung bulan ini.

Ketua Pegawai Retail (Chief Retail Officer) TNB, Datuk. Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (**gambar**) berkata, TNB akan terus menawarkan lebih banyak nilai tambah kepada pelanggan, sejajar dengan usahanya dalam meneroka cara-cara baharu bagi memberikan kemudahan yang lebih baik untuk pelanggan berinteraksi.

“Meskipun kami giat mendigitalkan pelbagai pilihan interaksi yang ditawarkan di



Kedai Tenaga ke dalam platform myTNB bagi memberikan sokongan yang lebih baik kepada pelanggan, kami juga memahami bahawa terdapat pelanggan yang lebih suka untuk berinteraksi dengan kami secara bersemuka.

“Dengan adanya platform dalam talian bagi membuat janji temu, pelanggan dapat merancang jadual mereka dengan lebih baik berbanding terpaksa menunggu lama bagi giliran mereka. Ini juga adalah antara langkah keselamatan bagi melindungi pelanggan dan pekerja kami menerusi kawalan kumpulan yang lebih baik di Kedai Tenaga semasa pandemik ini,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia